



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 1 – SESSION 2016 / 2017  
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : UDT 3052 / UHAD 3052 / UHAS 3052  
KOD KURSUS

COURSE NAME : SELF DEVELOPMENT /  
NAMA KURSUS PERKEMBANGAN KENDIRI

YEAR / PROGRAMME : 3 / ALL PROGRAMMES  
TAHUN / PROGRAM 3 / SEMUA PROGRAM

DURATION : 2 HOURS / 2 JAM  
TEMPOH

DATE : OCTOBER 2016  
TARIKH

**INSTRUCTION/ARAHAN :**

1. **Bahagian A** : Jawab semua soalan di dalam borang **OMR** yang disediakan. (40 MARKAH)
2. **Bahagian B** : Jawab semua soalan di dalam **Buku jawapan** yang disediakan. ( 20 MARKAH)

( You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script )  
( Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan )

NAME / NAMA	:	.....
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	.....
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:	.....
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:	.....
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	.....

This examination paper consists of ...10... pages including the cover  
Kertas soalan ini mengandungi .....10..... muka surat termasuk kulit hadapan

**BAHAGIAN A: (40 Markah)**

Jawab **Semua** soalan di dalam borang **OMR** yang disediakan.

1. Ilmu psikologi sosial secara dasarnya berbincang tentang hal yang berkaitan perkara berikut:
  - A. Kajian ke atas jiwa, minda dan semangat manusia
  - B. Kajian berkaitan sosiologi kemanusiaan
  - C. Kajian tentang sifat dan jangka hayat diri seseorang
  - D. Kajian mengenai latarbelakang evolusi pertembungan budaya dan sastera
  
2. Teori ini menjelaskan bahawa manusia mempunyai peringkat otak dan saraf yang tinggi yang dengannya manusia tampil mempelajari pelbagai perkara dalam hidupnya. Teori ini dikenali sebagai:
  - A. Teori Tingkap Johari
  - B. Teori Dinamika Psikologi
  - C. Teori Kognitif
  - D. Teori Interaksi Simbol
  
3. Konsep yang diutarakan melalui teori ini ialah manusia bertindak ke arah suatu perkara berdasarkan makna yang ada untuk mereka. Makna sesuatu perkara itu boleh diperolehi dari atau muncul dalam interaksi sosial. Makna perkara ini dikendali dan diubah melalui proses interpretasi:
  - A. Teori Tingkap Johari
  - B. Teori Dinamika Psikologi
  - C. Teori Kognitif
  - D. Teori Interaksi Simbol
  
4. Teori Field Berjaya mengubah hala tradisional psikologi sosial kepada teori yang lebih dinamik untuk pembentukan sendiri manusia. Antara pendekatan utama yang digunakan oleh beliau ialah:
  - I. Pendekatan psikologi
  - II. Penekanan terhadap keseluruhan situasi
  - III. Pendekatan dinamik kelompok
  - IV. Penyebab dari sudut sejarah melawan penyebab sistematik (semasa)
  - A. I, II dan III
  - B. II, III dan IV
  - C. II dan III sahaja
  - D. Semua di atas
  
5. Pembangunan modal insan membabitkan persoalan jiwa, minda dan semangat manusia. Ilmu ini merujuk kepada:
  - A. Ilmu kontrak sosial
  - B. Ilmu falak
  - C. Ilmu psikologi sosial
  - D. Ilmu biologi

6. Di samping perlunya menilai diri sendiri, manusia juga mempunyai keinginan untuk mengesahkan apa yang mereka percaya. Manusia membuat perbandingan sosial apabila mereka kurang pasti tentang beberapa aspek diri atau apabila mereka berada dalam situasi yang tidak biasa atau samar. Kenyataan di atas berkait rapat dengan:
- A. Teori Tingkap Johari
  - B. Teori Kualitatif
  - C. Teori Kognitif
  - D. Teori pengaruh terhadap tingkah laku sendiri sosial.
7. *'Psikologi sosial sebagai satu bidang yang cuba memahami dan menerangkan bagaimana fikiran, perasaan, dan tingkah laku individu dipengaruhi oleh jangkauan, khayalan atau kehadiran orang lain bersamanya.'*  
Pendapat di atas hasil pandangan:
- A. G. Allport
  - B. Mc Grath
  - C. Mary M. Gergeu
  - D. John W. Mc braw
8. *'Psikologi ialah satu kajian mengenali individu lain.'*  
Pendapat di atas merupakan idea:
- A. Robert S. Feldman
  - B. Mary M. Gergeu
  - C. John W. Mc braw
  - D. G. Allport
9. Pada tahun 1897, tokoh ini telah menulis sebuah artikel di dalam *Jurnal Psychology* yang diterbitkan di Amerika Syarikat.
- A. Gestalt
  - B. Mc Grath
  - C. Triplett
  - D. G. Allport
10. Berikut merupakan elemen-elemen yang terdapat dalam konsep sendiri seperti yang telah dinyatakan oleh William James, **kecuali**:
- A. Kendiri Material
  - B. Kendiri Sosial
  - C. Kendiri Spiritual
  - D. Kendiri Emosi

11. Berikut merupakan struktur-struktur yang terdapat dalam konsep Kendiri, **kecuali**:

- A. Kendiri Terbuka
- B. Kendiri Diamati
- C. Penghargaan Diri
- D. Identiti Sosial

12. Lokus kawalan dalaman merujuk kepada ciri-ciri seperti berikut, **kecuali**:

- A. Kemahiran
- B. Kebolehan
- C. Pontensi Semulajadi
- D. Nasib

13. Terdapat dua (2) jenis konsep kendiri, iaitu:

- A. Positif dan Negatif
- B. Besar dan Kecil
- C. Hitam dan Putih
- D. Baru dan Lama

14. Apakah yang dimaksudkan sebagai kesan Pigmalion?

- A. Kecenderungan yang membenarkan komunikasi orang lain mempengaruhi tingkah laku kita.
- B. Tingkah laku positif yang sering dikaitkan dengan kejayaan dalam hidup.
- C. Ganjaran dan pujian untuk membina keyakinan diri.
- D. Kepercayaan yang kuat dan teguh kepada diri sendiri .

15. Siapakah yang telah memperkenalkan model Tingkap Johari?

- A. Joseph Luft dan Harry Ingham
- B. William James dan Joseph Luft
- C. Carl Rogers dan Harry Ingham
- D. Harry Ingham dan G. Allport

Soalan 16 hingga 19, padankan pernyataan di bawah dengan jawapan berikut:

- A. Arena Keterbukaan
- B. Titik Hitam
- C. Kawasan yang tersembunyi
- D. Yang Tidak diketahui

16. Bahagian ini merujuk kepada maklumat tentang diri saya yang diketahui oleh orang lain tetapi tidak diketahui oleh saya sendiri.
17. Jendela ini mengandungi maklumat yang saya ketahui tentang diri saya dan tentang apa yang diketahui oleh kumpulan saya.
18. Bahagian ini mengandungi maklumat tentang diri saya yang diketahui oleh saya dan juga orang lain.
19. Bahagian ini merujuk kepada maklumat yang diketahui oleh saya tentang diri saya sendiri, tetapi tidak diketahui oleh orang lain.
20. Berikut adalah komponen dalam sikap seseorang manusia **kecuali**,
- A. Proses tingkah laku
  - B. Proses efektif
  - C. Proses sendiri
  - D. Proses kognatif
21. Sikap dapat ditarifkan sebagai:
- A. Satu tingkah laku manusia yang berkaitan dengan alam sekitar
  - B. Penilaian umum yang kekal, dibuat oleh individu terhadap dirinya sendiri, individu lain, objek atau isu.
  - C. Perlakuan individu yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung
  - D. Penerimaan keadaan sekeliling yang membawa kepada kesempurnaan tingkah laku
22. Pembujukan adalah salah satu cara ke arah perubahan sikap. Antara faktor pembujukan ialah:
- A. Tingkah laku
  - B. Pengalaman
  - C. Kerja
  - D. Saluran mesej
23. Terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi kepercayaan seseorang, **kecuali**:
- A. Masa dan pengalaman
  - B. Sikap terhadap sesuatu tingkah laku
  - C. Norma subjektif
  - D. Mengawal tingkah laku yang ditanggapi
24. Berikut adalah pekerjaan yang memerlukan sikap pembujukan yang tinggi:
- A. Arkitek
  - B. Pengawai pemasaran
  - C. Jurutera
  - D. Pengawal

25. Berikut adalah proses asas yang terlibat dalam perubahan sikap **kecuali**:

- A. Kepatuhan
- B. Identifikasi
- C. Pengalaman
- D. Pembatinaan

26. Komponen efektif boleh ditakrifkan sebagai:

- A. Keadaan emosi yang positif seperti hormat-menghormati, menyukai, dan simpati atau negatif terhadap sesuatu seperti penghinaan, takut dan reaksi yang berubah-ubah.
- B. Sikap seseorang individu yang berkaitan dengan pengalaman lampau melibatkan faktor umur.
- C. Perasaan iri hati, hasad dengki, dendam dan marah terhadap orang lain dan diri sendiri.
- D. Ketidak seimbangan sosial seseorang terhadap keadaan sekeliling.

27. Berikut adalah ciri-ciri pelaku prososial, **kecuali**:

- A. Tempat.
- B. Personaliti.
- C. Trait personaliti
- D. Jantina

28. Berikut **bukan** faktor yang menyebabkan tingkahlaku prososial **kecuali**:

- A. Sosiologi.
- B. Biologi.
- C. Antropologi
- D. Teologi

29. Berikut adalah faktor-faktor yang menyebabkan tingkahlaku prososial, **kecuali**:

- I. Sosiologi.
  - II. Peneguhan.
  - III. Situasi.
  - IV. Persamaan
- A. I, II dan III.
  - B. I, III dan IV.
  - C. II, III dan IV.
  - D. Semua di atas.

Wanita lebih mudah untuk menumpang kereta orang berbanding lelaki, terutama wanita yang berseorangan dan yang dalam kesunyian.

30. Berdasarkan pernyataan di atas ia merujuk kepada pandangan:

- A. Pomazd dan Carol.
- B. Gruder dan Look.
- C. Eagly dan Crowley.
- D. Taertner dan Bickman.

31. Apakah ciri-ciri faktor persekitaran yang mempengaruhi seseorang individu dalam prososial:

- I. Keadaan cuaca
- II. Keluasan kediaman
- III. Suasana angin
- IV. Tahap kebisingan

- A. I, II dan III.
- B. I, III dan IV.
- C. I, II dan IV.
- D. II, III dan IV.

32. Ciri-ciri seorang pelaku yang bersifat empati akan bergerak balas dengan dua keadaan iaitu:

- A. Tekanan personal dan emosi.
- B. Emosi dan Kognitif.
- C. Kognitif dan berpakaian cantik.
- D. Tekanan personal dan bangsa.

Satu bentuk tingkah laku menolong yang meletakkan kepentingan individu lain melebihi kepentingan peribadi dan bertindak tanpa ingin mendapatkan sebarang ganjaran.

33. Pernyataan di atas merujuk kepada:

- A. Tingkah laku menolong.
- B. Tingkah laku prososial.
- C. Altruisme.
- D. Situasi.

34. Berikut **bukan** kaedah untuk meningkatkan tingkah laku prososial **kecuali**;

- A. Pentingkan diri.
- B. Tidak bertanggungjawab.
- C. Ajaran agama
- D. Ciri-ciri etnik

35. Berikut adalah kaedah untuk meningkatkan tingkah laku prososial:

- I. Mengurangkan kekaburan.
- II. Meningkatkan tanggungjawab.
- III. Ajaran agama
- IV. Model

- A. I, II dan III.
- B. I, III dan IV.
- C. II, III, IV.
- D. Semua di atas.

36. Teknik *Door-in-the-face* bertujuan untuk:

- A. Berkompromi.
- B. Menjaga maruah.
- C. Menyekat untuk menolong.
- D. Empati.

37. Supresi merupakan:

- A. Satu tindakan yang sengaja dilakukan untuk mengelakan diri daripada memikirkan sesuatu masalah.
- B. Tindakan individu yang cuba menyelamatkan diri dari penghinaan individu lain
- C. Proses mengukur kemampuan diri dalam merancang sesuatu
- D. Tiada satu pun jawapan di atas.

38. Maksud Pindah Gantian ialah:

- A. Kegembiraan seseorang yang ingin dikongsi bersama orang lain
- B. Perasaan marah dipindahkan daripada seseorang individu kepada seseorang yang lain.
- C. Rasa bersalah sekumpulan orang yang membawa kepada ingin memberontak
- D. Berlainan jantina memberikan kesan berlainan dalam sesetengah tindakan

39. Kesan Halo adalah:

- A. Individu dalam keadaan ini kelihatan gembira dan mukanya cerah
- B. Pertolongan ini dapat dilakukan kerana suasananya tidak terganggu dan dia rela membantu.
- C. Tanggapan pertama dibuat setelah memahami bahawa individu tersebut mempunyai trait yang positif.
- D. Lazimnya dalam keadaan sedih, kecewa dan murung.



40. Atribusi ialah:

- A. Sebahagian besar tingkah laku sosial ditentukan oleh faktor genetik.
  - B. Manusia juga cenderung menolong kerana mempunyai hubungan rapat seperti ahli keluarga dan saudara mara
  - C. Mereka lebih mementingkan masalah dan kebimbangan yang dihadapi
  - D. Proses mendapatkan maklumat tentang sesuatu fakta dan mengkaji kebenarannya.
- 

**BAHAGIAN B: (20 Markah)**

Jawab **Semua** soalan di dalam **buku jawapan**.

1. Huraikan istilah dan konsep berikut dan jawab di dalam buku jawapan yang disediakan.
  - a. Promosi Kendiri
  - b. Kovarian (2 Markah)
2. Huraikan maksud angin baik dan angin tidak baik. (4 Markah)
3. Jelaskan **empat (4)** pendekatan model *Latene dan Darley* terhadap idea kehadiran orang lain dalam memberi bantuan. (4 markah)
4. Jelaskan faktor sosio-biologi dan contoh yang membawa kepada tingkahlaku prososial berdasarkan andaian ahli sosio-biologi. (6 Markah)
5. Huraikan **empat (4)** langkah untuk mengurangkan prasangka dan diskriminasi. (4 Markah)

~SOALAN TAMAT~  
*Selamat berjaya*